

## U-PUSTAKA : INOVASI PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN UNTUK PEMBANGUNAN MASYARAKAT BERILMU PENGETAHUAN

**Nafisah Ahmad**  
Perpustakaan Negara Malaysia  
nafisah@pnm.my

### **ABSTRAK**

*Ketersediaan ilmu pengetahuan adalah penting dalam pembangunan negara. Perpustakaan sebagai salah satu daripada institusi utama yang menyediakan capaian kepada sumber ilmu pengetahuan mempunyai peranan penting untuk memastikan penyampaian perkhidmatan tanpa sempadan masa dan lokasi kepada semua lapisan masyarakat bagi meningkatkan kualiti kerja dan kualiti hidup secara berterusan. Kertas ini membincangkan mengenai perkhidmatan u-Pustaka, iaitu satu inovasi dalam perkhidmatan perpustakaan di Malaysia yang memanifestasikan kolaborasi pintar antara pihak kerajaan dan swasta dalam usaha merapatkan jurang digital dan jurang ilmu pengetahuan antara rakyat di bandar dan luar bandar melalui pertukaran maklumat dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berilmu pengetahuan secara inklusif.*

**Katakunci:** *Perpustakaan ubiquitous; u-Pustaka; inovasi perkhidmatan perpustakaan; kolaborasi pintar perpustakaan; penyampaian perkhidmatan maklumat*